

Sejarah Pembangunan Wakaf Tunai

PELBAGAI kajian sejarah dan operasi semasa dilakukan berhubung topik wakaf tunai. Kita akan cuba melihat pengalaman beberapa negara dalam membangunkan wakaf tunai di negara masing-masing.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke-77 menyatakan wakaf tunai adalah dibenarkan.

Beberapa Jawatankuasa Fatwa Negeri iaitu Terengganu dan Selangor turut membenarkan wakaf tunai dilaksanakan.

Pada 23 Julai 2008, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ditubuhkan dengan rasminya di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

YWM mempromosikan wakaf tunai dengan salah satunya membuka peluang kepada penjawat awam dan swasta untuk melakukan potongan gaji bagi tujuan berwakaf.

Wakaf tunai yang diterima oleh YWM dikategorikan sebagai wakaf am dan YWM akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang menurut undang-undang merupakan Pemegang Amanah Tunggal akan menggunakan wang tersebut bagi projek-projek wakaf di bawah seliaan mereka.

Kini beberapa projek wakaf yang berimpak tinggi berjaya dibangunkan dengan dana wakaf tunai di negara kita.

Antaranya adalah pembinaan beberapa hotel wakaf seperti Hotel Grand Puteri di Kuala Terengganu, Hotel The Regency Seri Warisan di Taiping, Perak dan Hotel Pantai Puteri di Tanjung Keling, Melaka.

Melalui peruntukan Belanjawan 2010 sebanyak RM2.5 juta, Akademi Kulinari Terengganu ditubuhkan di atas tanah milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) dengan kerjasama YWM dan GiatMara.

Akademi yang mula beroperasi pada 30 Julai 2012 itu menawarkan kursus dalam bidang Confectionary & Bakery selama enam bulan serta kemudahan asrama kepada anak-anak asnaf MAIDAM.

Di Singapura, kesan wakaf mereka dapat dijejaki sejak tahun 1826 apabila seorang dermawan bernama Syed Omar Al-Junied mewakafkan Masjid Omar Kampung Melaka.

Di bawah akta Administration of Muslim Law Act, seluruh projek wakaf di Singapura mesti didaftarkan di bawah Majlis Ugama Islam Singapura.

Sebuah usaha projek wakaf tunai yang dilancarkan melalui skim potongan gaji berjaya mengumpulkan kira-kira S\$130 juta Singapura. Dana yang besar itu berjaya membina 22 buah masjid sekitar Singapura.

Di Bangladesh, sebuah bank iaitu Social Investmet Bank (Bank Pelaburan Sosial) beroperasi menggunakan dana wakaf tunai. Bank itu memberi bantuan kredit untuk membantu golongan miskin tegar meningkatkan taraf kehidupan mereka melalui perniagaan yang diceburi.

Sifat tunai yang cair itu memberi peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam berwakaf. Wakaf tunai memberi alternatif kepada sesiapa yang tidak mempunyai harta kekal yang sesuai seperti harta tanah untuk turut berwakaf demi menjana sumbangan dan pahala yang berterusan.

Wakaf tunai juga dapat mengelakkan risiko kos pengurusan yang tinggi pada wakaf harta tanah kerana tunai yang diwakafkan boleh digunakan bagi tujuan pelaburan berisiko rendah untuk mengembangkan dan dimanfaatkan tunai tersebut.

Semoga sistem wakaf akan terus mekar berkembang demi menyediakan pelbagai khidmat keagamaan dan sosial buat ummah selari dengan sifat agama Islam sebagai rahmat sekalian alam.

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1225&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm#ixzz3OZZJr0SQ

Hakcipta terpelihara